

# 2021 PSLE MALAY – PAPER 2

## BOOKLET A

### IMBUHAN (20 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Kuasa elektrik penting di dalam kehidupan manusia kini. Pembekalan kuasa elektrik pula merupakan satu sistem (1) _____ untuk menghantar kuasa elektrik kepada pengguna.</p> <p>Sebagai contoh, di rumah kita (2) _____ seterika elektrik, dapur elektrik dan bermacam-macam lagi barang elektrik. Beratus-ratus kilang (3) _____ akan terjejas tanpa kuasa elektrik. Mesin-mesin tidak boleh (4) _____ tanpa kuasa elektrik.</p> <p>Negara ini (5) _____ kuasa elektrik dari tiga buah stesen janakuasa elektrik yang menggunakan minyak petrol bagi bahan (6) _____ untuk menggerakkan janakuasa-janakuasa di sana.</p> <p>Dari stesen-stesen inilah kuasa elektrik itu (7) _____ ke beberapa buah stesen kecil dan kemudiannya barulah (8) _____ ke kilang-kilang, pejabat-pejabat dan rumah-rumah. Hampir kesemua rumah dan jalan raya di negara ini disediakan dengan kuasa elektrik. (9) _____ elektrik ini diuruskan oleh Lembaga Perbekalan Awam. Kita mestilah (10) _____ apabila menggunakan elektrik. Tanpa elektrik, kehidupan kita akan menjadi susah.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. (1) hubungan (2) berhubung (3) penghubungan (4) menghubungkan</li><li>2. (1) digunakan (2) berguna (3) kegunaan (4) menggunakan</li><li>3. (1) diusahakan (2) berusaha (3) mengusahakan (4) pengusahan</li><li>4. (1) gerakkan (2) bergerak (3) tergerak (4) menggerak</li><li>5. (1) didapatkan (2) mendapatkan (3) pendapatan (4) terdapat</li><li>6. (1) dibakar (2) membakar (3) terbakar (4) pembakar</li><li>7. (1) saluran (2) disalurkan (3) menyalur (4) penyalur</li><li>8. (1) dialirkan (2) aliran (3) mengalir (4) pengaliran</li><li>9. (1) Dibekalkan (2) Membekal (3) Bekalan (4) Pembekalan</li><li>10. (1) berjimat (2) jimatkan (3) menjimat (4) penjimatan</li></ol>
---	---

## PERIBAHASA (10 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Danial tidak menyangka akan mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun. Kini, Danial bersetuju dengan kata-kata Kak Damia. Sesiapa yang sanggup **(11) belajar bersungguh-sungguh** pasti akan menerima ganjarannya.

“Syabas, Danial! Sekarang kejayaan sudah dalam tangan kamu tetapi ingat, jangan mudah berpuas hati. Danial harus terus **(12) cari jalan** untuk terus berjaya,” nasihat Kak Damia setelah mendengar keputusan Danial.

Sebelum ini, memang banyak waktu dan peluang yang terbuang kerana perbuatan Danial yang **(13) bagi menghitung bulu kambing**. Hal ini berlanjutan sehingga Danial berkenalan dengan Kak Damia.

Kak Damia berasa kasihan akan Danial dan cuba memberinya bimbingan. Pada mulanya, Danial tidak faham mengapa Kak Damia **(14) memberikan perhatian** terhadapnya. Dia tidak dapat menerima kehadiran Kak Damia dalam hidupnya.

Namun kini, Kak Damialah yang menjadi **(15) tulang belakangnya**. Sememangnya, Danial bersyukur kerana ditemukan dengan Kak Damia.

- 11** (1) panjang akal  
(2) perah tenaga  
(3) banting tulang  
(4) memerah otak
- 12** (1) berfikir bersungguh-sungguh  
(2) berikhtiar mengatasi masalah  
(3) mengambil tahu tentang sesuatu  
(4) masuk campur dalam sesuatu urusan
- 13** (1) tidak adil  
(2) menerima rasuah  
(3) berfikir bersungguh-sungguh  
(4) mengerjakan sesuatu yang sia-sia
- 14** (1) murah hati  
(2) ambil berat  
(3) campur tangan  
(4) mengorak langkah
- 15** (1) tersinggung  
(2) sumber kekuatan  
(3) tidak banyak bercakap tetapi berfikir  
(4) bekerja keras dengan bermati-matian

## GOLONGAN KATA (10 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Menurut ibu bapa saya, kanak-kanak pada zaman sekarang lebih beruntung berbanding kanak-kanak pada zaman mereka.	<b>16</b> (1) disuruh (2) diberikan (3) diperintah (4) dibenarkan
Pada zaman mereka, kanak-kanak tidak	
(16) _____ keluar untuk bermain-main dengan kawan-kawan. Mereka perlu duduk di rumah	<b>17</b> (1) dan (2) jika (3) tetapi (4) kerana
(17) _____ terlalu banyak kerja yang perlu dilakukan. Antaranya, mereka disuruh memasak atau	
(18) _____ adik-adik kerana ibu bapa mereka sibuk bekerja. Kebanyakan kanak-kanak sekarang mempunyai pembantu untuk menyelesaikan kerja rumah.	<b>18</b> (1) menjaga (2) memarahi (3) melagakan (4) membiarkan
Kanak-kanak zaman dahulu juga tidak	
(19) _____ kanak-kanak sekarang. Wang belanja yang dibawa ke sekolah cukup untuk segelas air dan sekeping roti sahaja. Mereka juga terpaksa berjalan kaki ke sekolah walaupun jauh dari rumah mereka. Bagi yang berada, mereka akan menunggang	<b>19</b> (1) sehebat (2) sekacak (3) sepandai (4) semewah
(20) _____ ke sekolah. Kini, kanak-kanak membawa duit yang banyak dan ada juga dihantar ke sekolah dengan menaiki kereta.	<b>20</b> (1) bas (2) kapal (3) basikal (4) helikopter

## KEFAHAMAN 1 (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Manusia tidak dapat hidup bersendirian. Kenyataan inilah yang menunjukkan bahawa kita perlu mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain, terutama sekali, hubungan kita dengan jiran. Ini adalah kerana, hubungan erat dengan jiran akan mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu.

Secara umumnya, ada empat prinsip yang harus dicontohi dalam hidup berjiran. Pertama, kita mestilah bersikap jujur terhadap jiran, berbudi bahasa dan pandai menjaga hati mereka. Kita harus elakkan timbul sikap iri hati apabila jiran kita mempunyai kelebihan daripada kita. Kedua, kita perlu bersedia melindungi jiran kita asalkan perbuatan itu benar dan tidak menyalahi undang-undang. Jiran yang baik sanggup menegur, memberi nasihat serta memberi perangsang. Akan tetapi, kita juga bertanggungjawab untuk melaporkan perbuatan jiran yang menyalahi undang-undang kepada pihak polis atau pihak berkuasa.

Ketiga, kita mesti selalu bersedia untuk membantu jiran mengikut kemampuan kita jika jiran kita berada dalam kesusahan. Kita harus bersimpati kepada jiran ketika mereka menghadapi kesempitan dan bergembira apabila mereka meraikan saat bahagia. Kita tidak harus berasa gembira apabila jiran kita berada di dalam kesulitan. Prinsip yang keempat, kita hendaklah amalkan sikap saling bermaaf-maafan antara satu sama lain. Dalam hal ini, jika timbul sesuatu **perselisihan**, kita harus segera menyelidik puncanya agar masalah tersebut dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Kalau boleh, biarlah kita yang menjadi orang pertama yang meminta maaf. **Perkara ini** penting agar kita dapat elakkan sebarang perselisihan daripada berlanjutan.

Dalam kehidupan berjiran, keempat-empat prinsip itu mungkin sukar untuk diamalkan kerana kesuntukan masa dan terlalu sibuk dengan urusan masing-masing. Namun begitu, jika kita mempunyai sikap bertanggungjawab dan bertolak ansur, kita akan dapat membina sebuah masyarakat yang harmoni. Kehidupan sehari-hari kita juga akan menjadi aman dan tenang di kawasan kejiran yang sedemikian.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

**21** Idea utama yang diketengahkan dalam petikan ini adalah tentang \_\_\_\_\_.

- (1) empat prinsip dalam hidup berjiran
- (2) manusia yang boleh hidup sendirian
- (3) membantu jiran mengikut kemampuan
- (4) membina masyarakat yang saling bermaaf-maafan

**22** Kita perlu melindungi jiran kita jika \_\_\_\_\_.

- (1) kita meraikan saat yang bahagia
- (2) mereka berada di dalam kesusahan
- (3) mereka mempunyai kelebihan daripada kita
- (4) perbuatan mereka betul dan tidak menyalahi undang-undang

**23** Sikap bermaaf-maafan diantara jiran penting supaya kita \_\_\_\_\_.

- (1) dapat menjaga hati mereka
- (2) dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni
- (3) bergembira apabila mereka meraikan saat yang bahagia
- (4) dapat menyelidik punca masalah supaya cepat diselesaikan

**24** ‘Perkara ini’ dalam perenggan ketiga merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- (1) sikap jujur
- (2) hidup bersendirian
- (3) membantu jiran di dalam kesusahan
- (4) menjadi orang yang pertama untuk meminta maaf

**25** Perkataan ‘perselisihan’ dalam perenggan ketiga bermaksud \_\_\_\_\_.

- (1) pertikaian
- (2) persamaan
- (3) pencapaian
- (4) pertandingan

## **BOOKLET B**

### **FRASA (8 markah)**

**Arahan:** Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- |     |  |
|-----|--|
| (1) | pada masa itu                                    |
| (2) | semenjak hari itu                                |
| (3) | tahu apa yang berlaku                            |
| (4) | seorang penduduk di kawasan ini                  |
| (5) | bangga dengan kecekapan pihak polis              |
| (6) | risau akan peningkatan kes kecurian di estet ini |

Pegawai polis : Maaf, puan. Kami sedang meronda estet perumahan ini. Bolehkah kami bertanyakan beberapa soalan?

Puan Zahara : Tiada masalah, encik. Bolehkah saya (26) \_\_\_\_\_? Jika saya tahu sebabnya, mungkin saya boleh membantu.

Pegawai polis : Kami baru menerima aduan daripada (27) \_\_\_\_\_. Dia telah melaporkan satu kes kecurian. Mungkin puan juga ada mengalami kejadian sebegini.

Puan Zahara : Oh, begini! Sepasang kasut sukan anak saya juga hilang. Kalau betul ia dicuri, saya juga (28) \_\_\_\_\_.

Pegawai polis : Bilakah puan sedari bahawa kasut sukan itu telah hilang? Adakah puan mengesyaki sesiapa yang mungkin mahu mencurinya?

Puan Zahara : Kasut sukan itu telah hilang pada hari Ahad lalu dan (29) \_\_\_\_\_, kami sekeluarga baru pulang dari sebuah majlis. Saya tidak mengesyaki sesiapa kerana saya kenal jiran-jiran saya.

Pegawai polis : Terima kasih, puan. Saya telah mencatatkan kenyataan puan. Sekiranya puan ada sebarang maklumat, sila hubungi balai polis.

Puan Zahara : Baiklah, encik.

## Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

# MALAM BUDAYA 2021

Mendekati Seni dan Budaya Melayu

Sabtu : 20 November 2021

Pertunjukan dikir barat oleh kumpulan  
Desa Tunggal



Persembahan tarian Zapin dan  
Inang  
oleh Kelab Belia Seni



Anda ingin menyertai peraduan  
**Mendeklamasi Sajak?**

Ayuh sertai peraduan ini yang bertempat  
di **Kelab Masyarakat Indah** dari jam 8  
hingga 10 malam!

Kategori	Umur
A	9 - 12 tahun
B	13 - 15 tahun
C	16 - 25 tahun

**Hadiah Kategori A**  
Juara akan menerima wang tunai  
\$200

**Hadiah Kategori B**  
Juara akan menerima wang tunai  
\$300

**Hadiah Kategori C**  
Juara akan menerima wang tunai  
\$500

## **Jangan tunggu lagi!**

- ⌘ Hantar borang penyertaan ke pejabat Kelab Penyajak berserta wang penyertaan sebanyak \$10
- ⌘ Para pelajar dikehendaki mengirim borang penyertaan melalui pihak sekolah
- ⌘ Semua borang penyertaan mesti sampai di meja Kelab Penyajak sebelum 31 Oktober 2021

**Bonus:** Peserta yang menghantar borang sebelum 15 Oktober akan mengikuti bengkel deklamasi sajak secara percuma pada 11 November 2021!



**Percuma senaskah Buku Pengumpulan Sajak 2021 untuk 50 peserta pertama!**

**Anjuran : Kelab Penyajak ( 42 Jalan Bidai,  
Singapura 456042)**

**Wang tunai ditaja oleh Syarikat Terus Maju  
Buku ditaja oleh Syarikat Bijak Membaca**

**Arahan:** Berdasarkan brosur di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

**30** Tujuan utama Malam Budaya 2021 diadakan adalah untuk \_\_\_\_\_.

- (1) mendalami tarian Zapin
- (2) mendekati seni dan budaya Melayu
- (3) menyaksikan pertunjukan dikir barat
- (4) memenangi buku Pengumpulan Sajak 2021

**31** Para pelajar yang hendak menyertai peraduan Mendeklamasi Sajak haruslah \_\_\_\_\_.

- (1) menghantar borang ke pejabat
- (2) menonton persembahan tarian
- (3) mendapatkan borang dari Kelab Masyarakat Indah
- (4) mengirim borang penyertaan melalui pihak sekolah

**32** Hadiah wang tunai untuk semua pemenang akan ditaja oleh \_\_\_\_\_.

- (1) Kelab Penyajak
- (2) Syarikat Terus Maju
- (3) Syarikat Bijak Membaca
- (4) Kelab Masyarakat Indah

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>30</b>	
<b>31</b>	
<b>32</b>	

- 33 Kamu ingin mengajak rakan kamu untuk menyertai Malam Budaya 2021 bersama kamu. Kamu perlu meyakinkan rakan kamu dengan menerangkan kepadanya **dua** faedah yang dapat diraih melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Gunakan informasi dalam brosur Malam Budaya 2021 untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)

Ahmad, selain menikmati persembahan tarian tradisional seperti Zapin dan Inang, terdapat juga beberapa aktiviti-aktiviti yang membolehkan kita meraih faedah. Antaranya ialah \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## **KEFAHAMAN 2 (22 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Idris merenung dengan teliti peta di tangannya. Dia masih keliru dengan apa yang dilihatnya. Idris bimbang kerana perjalanan melalui hutan tebal itu kelihatan begitu susah.

Farid menghampiri Idris. Dari raut wajah Idris, Farid dapat mengagak yang ketuanya dalam kerisauan dan kesusahan. Dia menepuk perlahan bahu Idris. Idris terkejut dan dengan segera menoleh ke arah Farid.

“Boleh saya bantu?” tanya Farid dengan nada yang lembut.

“Aku tidak perlukan bantuan kamu!” jawab Idris dengan tegas lalu segera beredar dari situ.

Farid menggeleng-gelengkan kepalanya. Idris seorang yang keras kepala. Dia tidak mahu meminta bantuan sesiapa walaupun dalam keadaan yang susah dan cemas. Dia menganggap dia sahaja yang betul kerana dia seorang ketua. Farid mengambil peta dari tangan Idris lalu meneliti peta tersebut.

Farid mengeluarkan sebatang pena. Berdasarkan pengalamannya meredah hutan, dia tahu mencari jalan keluar. Ayahnya juga banyak menunjuk ajar kepadanya. Farid juga mengeluarkan sebuah kompas dari koceknya lalu melihat jarum di kompas itu sambil mengarahkannya ke utara. Dalam masa sepuluh minit sahaja, Farid dapat melukiskan peta jalan keluar dari hutan itu. Farid pun mendekati Idris yang masih sugul itu.

Farid menghulurkan peta tersebut kepada Idris. Tanpa bersuara, Idris membaca peta jalan keluar Farid. Dia menitiskan air matanya. Dia berasa malu.

“Ayuh, jangan buang masa lagi. Rakan-rakan yang lain sudah pun bersedia untuk meneruskan perjalanan kita,” kata Farid setelah melihat Idris yang masih terduduk kaku.

Idris bangun dan mengangguk-anggukkan kepalanya. Dia memeluk Farid dan mengucapkan terima kasih. Dia sedari yang Farid seorang rakan yang baik. Tanpa bantuan Farid, mereka mungkin akan tersesat jauh. Farid juga masih bercakap dengan lembut kepada Idris walaupun telah ditengking olehnya. Idris sedari kesilapannya. Sebagai ketua, dia tidak melakukan tugasnya dengan sempurna. Dia seharusnya memastikan yang dia sudah memahami peta itu sebelum memulakan ekspedisi meredah hutan. Dia juga harus mendengar nasihat dan menerima bantuan rakan-rakannya yang lain.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

**34** Apakah yang menyebabkan Idris bimbang?

(2 markah)

---

---

---

---

---

**35** Mengapakah Idris dikatakan sebagai seorang ketua yang degil?

(4 markah)

---

---

---

---

---

**36** Mengapakah Farid menghampiri Idris?

(2 markah)

---

---

---

---

---

- 37** Bagaimanakah Farid dapat mencari jalan keluar?

(4 markah)

---

---

---

---

---

- 38** Idris sedari bahawa Farid seorang rakan yang baik. Berikan dua bukti yang menunjukkan perkara ini.

(4 markah)

---

---

---

---

---

- 39** Berikan dua contoh yang menunjukkan bahawa Idris tidak menjalankan tugasnya sebagai ketua dengan sebaiknya.

(4 markah)

---

---

---

---

---

- 40** Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(2 markah)

- (a) terperanjat

---

- (b) dimarahi dengan suara yang keras

---

**Selesai**

